

PEKELILING PENTADBIRAN UTM KUALA LUMPUR BIL.1/2020**PENGOPERASIAN UTM KUALA LUMPUR SEMASA PERINTAH KAWALAN
PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Merujuk kepada sidang media oleh YB Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kanan Pertahanan dan keputusan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara pada 12 Oktober 2020 telah menetapkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Selangor, WP Kuala Lumpur dan Putrajaya berkuat kuasa pada 14 Oktober hingga 27 Oktober 2020. Selaras dengan itu, pihak pengurusan UTM Kuala Lumpur (UTMKL) telah menetapkan bahawa:

(1) Urusan Perkhidmatan dan Operasi Pejabat

- (a) Staf UTMKL diarahkan untuk Bekerja Dari Rumah atau *Work From Home* (WFH) sepenuhnya mulai 14 Oktober 2020 hingga 27 Oktober 2020 kecuali mereka yang terlibat dalam perkhidmatan perlu (*Essential Services*) Universiti. Staf UTMKL adalah merujuk kepada staf lantikan tetap, kontrak, sambilan harian, penyelidik, dan pelajar latihan industri;
- (b) Namun demikian, bermula pada 19 Oktober 2020, staf UTMKL dibenarkan untuk hadir bekerja di kampus secara penggiliran mengikut waktu bekerja harian staf. Kebenaran ini adalah tertakluk kepada had maksimum 25% daripada jumlah keseluruhan staf di PTJ tanpa menjejaskan operasi jabatan;
- (c) Permohonan hadir bekerja boleh dibuat melalui pautan my.utm.my atau aplikasi *UTMSmart*. Manakala staf yang bekerja dari rumah perlu merekodkan kehadiran menggunakan kaedah *GPS Check In/Out* dalam *UTMSmart* sebagaimana pelaksanaan sebelum ini; dan
- (d) Mesyuarat dalaman dan dengan pihak luar hendaklah dilaksanakan secara dalam talian atau medium elektronik yang bersesuaian.

(2) Urusan berkaitan Pelajar

- (a) Kesemua aktiviti pengajaran dan pembelajaran (P&P) akan dilaksanakan secara dalam talian sepenuhnya dan semua aktiviti melibatkan makmal dibatalkan sepanjang tempoh PKPB;
- (b) Semua aktiviti fizikal pelajar dibatalkan serta-merta;
- (c) Proses keluar masuk pelajar ke kolej kediaman adalah tertakluk kepada peraturan semasa daripada pihak pengurusan Kolej Siswa Jaya (KSJ);
- (d) Semua pelajar yang mendiami KSJ digalakkan untuk pulang ke kediaman keluarga masing-masing. Namun bagi kediaman keluarga yang berada dalam zon merah, pelajar boleh untuk terus berada di KSJ atau mencari alternatif lain; dan
- (e) Segala perbelanjaan adalah dibawah tanggungjawab pelajar.

(3) Urusan berkaitan Penyelidikan

- (a) Ketua PTJ dan Penyelidik Utama hendaklah menjadualkan penggiliran penyelidik bagi aktiviti penyelidikan kritikal yang memerlukan pemantauan berterusan;
- (b) Semua aktiviti penyelidikan di lapangan ditangguhkan; dan
- (c) Sebarang urusan penyelidikan di dalam kampus perlu mendapat kelulusan Dekan fakulti masing-masing.


(4) Kawalan Laluan Keluar Masuk Kampus dan Perkhidmatan Lain

- (a) Hanya Pintu Masuk Utama Kampus dan Pintu B, KSJ sahaja yang dibuka sepanjang tempoh PKPB ini;
- (b) Pengangkutan awam seperti teksi dan perkhidmatan *e-hailing* dibenarkan masuk ke lokasi yang ditetapkan sahaja;
- (c) Semua fasiliti utama kampus seperti masjid, perpustakaan, gimnasium dan fasiliti-fasiliti lain adalah ditutup sepanjang tempoh PKPB ini; dan
- (d) Kontraktor dan pembekal adalah dibenarkan masuk ke dalam kampus dengan kelulusan Ketua PTJ serta mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang sedang berkuatkuasa.

Semua warga UTMKL adalah sentiasa diingatkan untuk mematuhi semua SOP yang telah ditetapkan dan peka terhadap sebarang pemakluman rasmi Majlis Keselamatan Negara (MKN). Sama-sama kita putuskan rantaian COVID-19.

Sekian, harap maklum dan terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,


(PROF. DR. SHAMSUL BIN SAHIBUDDIN)
Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)

s.k. Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
Pendaftar
Ketua Pentadbiran UTM Kuala Lumpur